

NORHAYATI ALFI FOTO: KOLEKSI NORAZLIN

Norazlin bersama Anugerah Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang diterima dalam Tokoh Siswa 2017.



HOK

## NORAZLIN HASSAN

Tokoh Siswa 2017

**M**inat mendalam dan keceintaan kepada alam sekitar ternyata membawa tuah buat Norazlin Hassan, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga & Alam Sekitar) di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Malaysia Pahang (UMPA), apabila dipilih menerima Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang disampaikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Siti Hamisah Tapisir dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017 yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Penghargaan khas diterima ini adalah hasil keghiban dan kecemelanganannya

menerusi penyelidikan bertajuk Hybrid Energy for Highway Lighting System, bertujuan membangunkan sistem pencahayaan lampu di lebuh raya dengan menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui sekali gus dapat memberi manfaat kepada pengguna lebuh raya. "Teknologi ini membantu dalam menyelesaikan masalah pengguna lebuh raya pada waktu malam dan pada masa sama tidak mencemarkan alam sekitar. Sistem ini juga sesuai digunakan dengan iklim di Malaysia yang menerima pancaran matahari sepanjang tahun serta untuk lebuh raya yang mana kenderaan bergerak pada kelajuan 70 km/jam. Malahan teknologi ini juga boleh menangkang angin dari mana-

- PROFIL**
- Nama penuh :** Norazlin Hassan  
**Asal:** Pulau Pinang  
**Pendidikan awal (sekolah rendah/ menengah):**  
 - Sekolah Kebangsaan Seri Impian  
 - Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu  
**Pencapaian:**  
 - Gold Medal for Creation, Innovation, Technology & Research Exposition (CITREX) 2017  
 - Special Award: Best fluid-related invention award (Student Category) for CITREX 2017  
 - Double Gold Award for Innovation, Design & Research International Symposium (IDRS) 2017  
 - MyRIS Grand award, IDIRS 2017  
 - Gold Medal in Novel Research & Innovation Competition (NRIIC) 2017  
 - Special Award: Sustainable & Green Technology Award for NRIIC 2017  
 - Gold Medal for British Invention Show (BIS) 2017  
 - Diamond Award for Environment Award (Natural Earth) BIS 2017  
 - Anugerah Pelajar Kategori Daya Usaha & Inovasi (Majlis Anugerah Kokurikulum & Sanjungan Pelajar 2017)  
 - Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Anugerah Tokoh Siswa 2017)

melalui penglibatan itu, saya dapat meningkatkan keyakinan diri dan juga menambah ilmu pengetahuan dalam mengunskan sesuatu program," kata Norazlin yang juga meraih kecemerlangan bidang penyelidikan termasuk memenangi Double Gold Award dalam pertandingan Novel Research & Innovation Competition (NRIIC) 2017 serta Special Award: Sustainable & Green Technology Award menjadikannya terpilih menerima anugerah khas ini.

**KONGSI IDEA**

Bakal berkahla graduan pada November depan, Norazlin berkata, kejayaannya pada hari ini tidak bermakna tanpa sokongan dan doa daripada insan-insan tersayang terutama ibu bapa, Hasan Osman dan Nasariyah Mohamad Yusub serta galakan penyarahannya di UMP, Dr. Abu Yusub. "Saya juga bersyukur di atas tunjuk ajar yang telah diberikan oleh para penyarah serta rakan-rakan yang banyak membantunya mencapai kejayaan sehingga ke tahap ini.

"Melalui penglibatan dalam bidang inovasi, saya melihat ini sebagai satu peluang yang bagus bagi mahasiswa untuk meningkatkan keyakinan diri mereka seterusnya menjadi mahasiswa yang mempunyai pemikiran kreatif, berinovasi dan matang dalam membuat keputusan.

"Lebih menarik lagi bagi saya sepanjang terlibat dalam aktiviti ini kerana banyak kenangan manis terutama apabila saya membentangkan projek tersebut dan berpaling dengan ramal orang yang berlainan latar belakang dan berkongsi idea-idea bermanfaat," katanya.

Dalam pada itu, Norazlin berharap agar sentiasa dikaitkan semangat untuk menepuh cabaran dan rintangan pada masa hadapan serta membanggakan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain di samping mengharapakan lebih banyak penglibatan dalam bidang penyelidikan dan inovasi di samping dapat mengahumkan dan membanggakan nama UMP.

"Nasihat saya kepada mahasiswa lain agar sentiasa mengahmbir diri anda keluar daripada zona selesa dan terlibat dalam penglibatan yang lain untuk menambah pengalaman," akhirnya.



Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Siti Hamisah Tapisir menyampaikan anugerah kepada Norazlin dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017.

mana arah dan boleh dipasang pada lampu lebuh raya sedia ada," ujarnya.

Menurut Norazlin, 23, yang banyak melaburkan diri dalam pertandingan inovasi selain aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, penyertaan dalam pertandingan inovasi seperti ini bukan sahaja sebagai satu platform untuknya meningkatkan diri ke arah lebih baik tetapi pada masa sama meningkatkan keyakinan diri dan juga ilmu pengetahuannya.

"Melalui aktiviti-aktiviti kesukarelawanan pula, saya dapat membantu orang lain dan secara tak langsung menulis bakti kepada komuniti. Bagi aktiviti di universiti, saya akan melaburkan diri dengan menjadi ahli jawatankuasa bagi sesuatu program kerana